

MAKLUMAT
PERTANDINGAN SNOOKER TERTUTUP PPUKM 2012

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Snooker Tertutup PPUKM 2012 dan akan diadakan di Club 11 (dahulu dikenali sebagai Pusat Snooker 2K), Tingkat Bawah, Plaza Dwitasik, Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur.

2. PENGANJUR

Penganjur pertandingan adalah Urusetia Pertandingan Snooker Tertutup PPUKM 2012 dengan kerjasama Kelab Sukan Kakitangan PPUKM.

3. SYARAT- SYARAT PENYERTAAN

3.1. Para peserta mestilah terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan organisasi serta pelajar-pelajar Kompleks Perubatan PPUKM. Ini termasuklah bagi jawatan tetap/ kontrak/ sementara/ sambilan.

3.2. Setiap peserta dikehendaki untuk mendaftar nama dengan menggunakan borang yang disediakan dan hendaklah diserahkan kepada urusetia pertandingan selewat-lewatnya pada 30 April 2012.

4. ACARA PERTANDINGAN / JADUAL PERMAINAN

4.1. Acara yang dipertandingan adalah acara perseorangan.

4.2. Undian serta taklimat pertandingan akan diadakan selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum pertandingan dilangsungkan.

4.3. Peserta hendaklah menghadiri sesi undian serta taklimat ini untuk mengelak isu tidak puashati. Sekiranya peserta tidak dapat hadir, urusetia berhak membuat undian bagi pihak peserta disaksikan oleh peserta yang lain.

5. YURAN PENYERTAAN

5.1. Yuran penyertaan adalah sebanyak RM 30.00 dan bayaran boleh dibuat secara tunai berserta dengan borang permohonan kepada urusetia pertandingan selewat-lewatnya pada

30 April 2012. (Tambahan RM 20 bayaran cagaran dipungut dan akan dikembalikan selepas pertandingan).

6. HADIAH

Setiap penyertaan akan diberikan sijil penyertaan. Hadiah yang disediakan adalah seperti berikut:

| Pemenang | Hadiah |
|--------------------------|---|
| Juara | Trofi/Medal, hadiah wang tunai dan sijil penyertaan |
| Naib Juara | Trifi/Medal, hadiah wang tunai dan sijil penyertaan |
| Ketiga | Trofi/Medal, hadiah wang tunai dan sijil penyertaan |
| Keempat hingga kesepuluh | Saguhati dan sijil penyertaan |

7. CARA PERMAINAN (STYLE OF PLAY)

- 7.1. Pertandingan akan diadakan secara kalah mati dan dijalankan melalui dua (2) kumpulan, iaitu A dan B.
- 7.2. Dalam permainan peringkat pertama sehingga separuh akhir, pemain akan bermain secara tiga (3) set (*frame*) yang terbaik (*best of three*). Sekiranya seorang pemain memenangi 2 set berturut-turut, maka ia telah dikira sebagai pemenang dan set ke-3 tidak perlu dimainkan.
- 7.3. Dalam permainan peringkat akhir, pemain akan bermain secara lima (5) set (*frame*) yang terbaik (*best of five*). Sekiranya seorang pemain memenangi 3 set berturut-turut, maka ia telah dikira sebagai pemenang dan set ke-4 dan ke-5 tidak perlu dimainkan.
- 7.4. Pemain yang kalah dikehendaki membuat bayaran meja (*table payment*) keseluruhan jumlah set permainan yang dimainkan.

8. MENARIK DIRI DARI PERTANDINGAN (WALK OVER)

- 8.1. Peserta yang menarik diri setelah permainan dimulakan akan memberikan kemenangan percuma (*walk over*) kepada pihak lawan.
- 8.2. Peserta tidak boleh menukar pemain setelah undian dijalankan. Sekiranya peserta menukar pemain setelah undian dijalankan, penyertaannya adalah terbatal dan kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan.

8.3. Kemenangan percuma juga akan diberikan kepada mana-mana pemain yang gagal berada digelanggang 10 minit selepas masa permainan dimulakan.

9. PENGESAHAN KEPUTUSAN

9.1. Peserta bertanggungjawab untuk mengesahkan keputusan perlawanan masing-masing dalam skor yang disediakan. Urusetia akan memantau keputusan perlawanan.

9.2. Keputusan setelah disahkan hanya boleh dibantah dengan kebenaran urusetia pertandingan.

10. PAKAIAN

Semua peserta hendaklah memakai t-shirt berkolar, berseluar panjang dan berkasut. T-shirt dan seluar panjang tersebut haruslah tidak mempunyai tulisan atau lambang yang berunsur penghinaan.

11. URUSETIA PERTANDINGAN

Semasa pertandingan, urusetia akan memantau, mengawasi pertandingan untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku. Pemain dikehendaki menjaga skor mata masing-masing.

12. BANTAHAN PERMAINAN

Sebarang bantahan hendaklah dibuat terus kepada urusetia pertandingan semasa permainan sedang dijalankan. Sebarang bantahan selepas permainan tidak akan dilayan.

13. PERATURAN LAIN

13.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan *International Billiard and Snooker Federation* (www.ibsf.info), walaupun bagaimanapun beberapa pindaan peraturan akan diberitahu semasa sesi taklimat.

13.2 Sekiranya timbul perselisihan dari segi tafsiran, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

13.3 Semua kejadian akan diputuskan berasas kepada keputusan urusetia pertandingan

13.4 Urusetia berhak berbincang dan membuat keputusan sekiranya berlaku sebarang isu atau

perselisihan teknikal yang harus diputuskan segera semasa pertandingan berasaskan kepada Peraturan *International Billiard and Snooker Federation*.

13.5 Semua keputusan yang dibuat oleh urusetia pertandingan adalah muktamad.

13.6 Semua pemain adalah tertakluk kepada syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh pengurusan Pusat Snooker di mana pertandingan dijalankan selain syarat-syarat sedia ada untuk pertandingan ini.

13.7 Pemain yang didapati merosakkan harta benda seperti cue dan lain-lain harta milik pusat snooker, haruslah membayar ganti rugi tersebut kepada pemilik snooker berkenaan.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI URUSETIA PERTANDINGAN:

| | | | |
|-------------|----------------------------|-------------------|--------------|
| Pengerusi: | En. Mazli Mohamad Zin | Jabatan Radiologi | 013-3605933 |
| Setiausaha: | En. Mohd Haris Mohd Hassan | Jabatan Surgeri | 018-392 6888 |
| Bendahari: | En. Saiful Azli Hamdan | Jabatan Psikiatri | 012-727 1730 |

Ahli Jawatankuasa:

| | | | |
|----|----------------------------------|-------------------|--------------|
| 1. | En. Mohd Adzha Yahaya (Jaa) | Jabatan Radiologi | 019-304 5471 |
| 2. | En. Mohamad Khairol Buang (Khai) | JPMD | 013-694 6212 |
| 3. | En. Muhhammad Nizam | Jabatan Radiologi | 012-643 6937 |
| 4. | En. Mohamad Hafidz (Tello) | Jabatan Radiologi | 012-544 4515 |
| 5. | En. Mohd Shahril (Botak) | Jabatan Radiologi | 017-312 3756 |